

LAKEPARK @ KL NORTH

Taman Tasik Rekreasi Bandar Raya Kuala Lumpur Yang Terbaru

Projek Berprestij
Oleh



JL99 GROUP

+603 6138 1899



Dek Tinjauan



Pulau Burung & Pelantar Lalaun

Dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kumpulan JL99 akan memperkenalkan sebuah projek pembangunan perumahan yang akan membawa nafas baru di kawasan penempatan Kuala Lumpur-Utara (KL-Utara). Projek pembangunan ini bakal menaik taraf kawasan KL-Utara ke arah pembentukan sebuah bandar yang berdaya saing disamping menawarkan mutu taraf kehidupan yang lebih berkualiti dan selesa kepada warga kota.

LakePark Residence @ KL North, merupakan inisiatif pembangunan terkini oleh Kumpulan JL99. Projek pembangunan perumahan ini adalah meliputi kerja-kerja mencantikkan serta memulihara Tasik Sri Murni yang terletak di gerbang utara ke Bandaraya Kuala Lumpur. Tasik Sri Murni yang mempunyai keluasan 23 ekar ini, bakal menjadi sebuah Taman Tasik Rekreasi yang berlandskapkan rimbunan hijau alam semulajadi yang mengamankan minda.

Selari dengan inspirasi Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan oleh Kerajaan untuk mensasarkan Kuala Lumpur menjadi antara 20 bandaraya berdaya huni (liveable) di dunia menjelang tahun 2020, Kumpulan JL99 berdedikasi untuk membangun dan menaik taraf kawasan KL-Utara dengan menawarkan pembangunan perumahan yang moden serta Taman Tasik Rekreasi yang unik dengan persekitaran yang bersih dan aman damai. LakePark ini juga dijangka akan menarik perhatian para pelancong dan juga warga kota yang ingin merehatkan minda dan bersukaria bersama keluarga dan sahabat.

LOKASI STRATEGIK DAN SUASANA YANG SELESA DAN HARMONI

Berhadapan dengan Jalan Kuching, LakePark (tasik seluas 23 ekar dikelilingi taman landskap yang unik) berada tepat pada nadi KL-Utara yang sedang berkembang pesat. Hanya 20 minit dari KLCC, berhampiran dengan Publika dan Mont Kiara. LakePark dihubungkan dengan lokasi-lokasi utama di Lembah Klang melalui rangkaian jalan-jalan utama dan lebuh raya yang komprehensif seperti Jalan Ipoh, Jalan Kepong, Lebuh raya Duta Ulu-Kelang, Lebuh raya Selayang-Kepong, Middle Ring Road 2 (MRR2); serta perkhidmatan pengangkutan awam. Ini telah menjadi satu faktor penyumbang utama kepada populariti KL-Utara yang sedang berkembang sebagai hab rekreasi dan kediaman.

Jambatan Restu



KEINDAHAN MENAWAN DENGAN FASILITI PENUH INSPIRASI

Tertarik dengan pemandangan indah LakePark (tasik seluas 23 ekar dikelilingi taman landskap yang unik), para pelawat ke taman rekreasi berlandskap yang tersendiri ini, pastinya akan terpesona dengan apa yang boleh dilihat, didengar dan dirasai daripada tarikan-tarikan unik seperti Jambatan Restu, Pulau Burung, Jeti Pontun, Stesen Kecergasan Luar dan Pelantar Lalaun.



Laluan Berjoging & Stesen Kecergasan-Luar

Menyambungkan lokasi-lokasi menarik ini ialah sebuah laluan berjoging dengan pemandangan indah yang turut menyusuri taman-taman kecil yang unik, sebuah plaza terbuka, sebuah taman permainan kanak-kanak dan geladak julur yang pastinya menambahkan lagi pengalaman pelawat di kawasan perlindungan tepian tasik ini.

Pemandangan indah LakePark boleh dinikmati sepanjang hari oleh penduduk LakePark Residence @ KL North; sebuah pembangunan kediaman perdana dan kontemporari yang akan muncul di tengah-tengah pusat kediaman dan komersil terkenal di ibu kota. LakePark akan dibuka dari jam 6:00 pagi hingga 8:00 malam kepada pelawat.

LakePark Residence @ KL North akan mempunyai akses terus ke kemudahan LakePark yang telah dinaik taraf dan ke "Garden by the Lake" yang merupakan satu bahagian tertutup yang dikhaskan secara eksklusif untuk para penghuninya. Kumpulan JL99 yakin dan percaya bahawa kerja-kerja menaiktaraf dan mentransformasikan tasik sedia ada kepada LakePark akan membantu meningkatkan kualiti hidup kawasan sekelilingnya. Kemudahan rekreasi unik yang dicipta khusus untuk keseronokan keluarga ini juga dijangka akan menghasilkan trend kenaikan nilai hartanah di Kuala Lumpur-Utara.

JL99 GROUP IBU PEJABAT & GALERI JUALAN

No. 1, 3, 5, 7 & 9, Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utara, KM 12, Jalan Ipoh, 68100 Kuala Lumpur.

Sales Gallery GPS Coordinate: N 3° 14'0.864 E 101° 40'17.519"

www.jl99group.com.my



DIJANGKA AKAN DILANCARKAN PADA MAC 2015

Hubungi +603 6138 1899 untuk maklumat lanjut

Semua gambar yang dipaparkan di sini hanyalah ilustrasi artis.